

29/11/1997

MAF anjur program Perjalanan Harapan

YAYASAN Aids Malaysia (MAF) dengan kerjasama Majlis Aids Malaysia akan menganjurkan program 'Perjalanan Harapan' pada 7 Disember ini sempena sambutan Hari Aids Sedunia, 1 Disember ini.

Program itu adalah salah satu acara Karnival Riben Merah 1997 yang diadakan setiap tahun bagi merayakan sambutan itu.

Melalui acara itu, sebuah farmasi Merck Sharp and Dohme Division (MSD) bersetuju menderma RM20 kepada MAF bagi 1,000 peserta pertama yang mendaftar untuk mengambil bahagian dalam acara itu.

Sebanyak RM20,000 dijangka dapat dikutip bagi membantu MAF menjalankan aktivitinya seperti pendidikan mengenai Aids, cara pencegahan dan kesedaran.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan, MAF berkata acara itu menjadi harapan bagi mencari penyelesaian bagi mencegah kesan virus HIV dan juga harapan bagi penjagaan dan sokongan daripada orang ramai kepada mereka yang menghidap Aids.

Acara itu akan berlangsung di Dataran Merdeka bermula jam 8.30 pagi dan serentak itu sebanyak 500 dengan mesej harapan akan dilepaskan.

Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, Pengerusi MAF, Datin Paduka Marina Mahathir dan Presiden Akademi Muzik Malaysia, Freddie Fernandez, dijangka hadir.

Bagi 1,000 peserta pertama yang mendaftar dengan MAF akan menerima baju-T percuma sumbangan MSD dan dua lencana riben merah daripada MAF.

(END)